

27 FEB 2002

Najib-Antartika

KUNJUNGAN KE ANTARTIKA MANIFESTASI SEMANGAT 'MALAYSIA BOLEH'

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Bagi Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak lawatan Perdana Menteri ke Antartika meninggalkan kesan psikologi mendalam selaras dengan semangat "Malaysia Boleh".

"Perdana Menteri selalu mencabar kita melakukan sesuatu yang luar biasa, yang tidak terfikir oleh orang lain supaya menjadi budaya kita.

"Lawatan ke Antartika ini merupakan tindakan yang luar biasa," katanya kepada Bernama ketika mengimbau kembali pengalaman menyertai rombongan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke benua Antartika selama sembilan hari awal bulan ini.

Baginya, pengalaman itu amat berguna.

"Maknanya kita tahu kalau kita ini tabah dan cekal, tak ada apa-apa kerja yang tidak boleh kita jayakan.

"Sungguhpun orang nampak gerun bila disebut Antartika, kalau kita beri tumpuan untuk mencapai matlamat sesuatu kerja yang diusahakan, insya-Allah berjaya," katanya.

Najib adalah antara tiga menteri yang berkesempatan menyertai delegasi Perdana Menteri. Dua lagi ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Najib berkata walaupun ada cara lebih mudah untuk ke Antartika, rombongan yang turut disertai Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali itu menggunakan kapal pemecah ais untuk ke sana.

"Saya rasa kami menggunakan cara yang paling sukar... mungkin Perdana Menteri mahukan pengembaraan yang mencabar, beliau tidak mahu cara yang mudah.

"Ia sememangnya suatu pengembaraan yang mencabar, pada satu ketika kapal itu berada dalam kedudukan 45 darjah dalam keadaan laut bergelora," katanya.

Menurut Najib, dua cara lain yang boleh membawa pengunjung ke benua penuh mistik itu ialah melalui kapal pelancong dan penerbangan khas dari sebelah selatan Antartika.

Daripada segi politik, Najib berpendapat lawatan itu akan memperkukuhkan kedudukan Malaysia pada arena antarabangsa apabila memperkatakan mengenai Antartika.

"Tujuan Perdana Menteri membuat lawatan selain merupakan lawatan ke benua yang terakhir baginya sebab dia sudah melawat ke benua-benua lain ialah bertitik tolak dari usulnya supaya benua Antartika menjadi hak milik manusia sejagat," katanya.

Pada tahun 1981, Dr Mahathir telah mengarahkan Wisma Putra supaya mengusulkan perkara itu di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan telah mendapat sambutan.

Ekoran itu segala tuntutan terhadap Antartika diketepikan sehingga tahun 2048 manakala usaha untuk mencari sumber hasil bumi seperti minyak, galian tidak dibenarkan.

"Apabila Perdana Menteri mengambil pandangan yang begitu berat dengan membuat lawatan terpanjang yang pernah dibuat oleh mana-mana ketua kerajaan ke Antartika, dengan ini memberi Malaysia satu kedudukan yang lebih kukuh di peringkat antarabangsa," katanya.

Najib, yang tidak terfikir sebelum ini untuk menjejak kaki di benua itu, berkata pengalaman itu membuka matanya terhadap keindahan alam semula jadi yang sungguh unik di Antartika, benua yang lebih besar daripada Australia.

"Ia satu pengalaman yang sukar ditandingi jika dibandingkan dengan tempat-tempat lain kerana Antartika ini merupakan benua ynag paling unik," katanya.

"Antartika ini bersih sebersih-bersihnya, tidak dicemari dengan sebarang pencemaran laut, udara dan darat dan kita dapat lihat keadaan rupa bumi yang begitu indah dan bersih seolah-olah baru wujud, tidak ada tolok bandingannya dengan tempat-temnpat lain," katanya.

Beliau juga kagum dengan keunikan Antartika daripada segi hidupan liarnya dan bentuk rupa buminya seperti aisberg, glazier, gegua dan pancaran aneka warna yang tidak terdapat di tempat lain.

"Saya tak tahu bahawa aisberg ini kalau kita lihat dari dekat warnanya kebiru-biruan disebabkan pancaran matahari," katanya.

-- BERNAMA

AZZ AZZ NMO